

7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
KAWASAN : BUKIT BINTANG
TARIKH BAHAS : 1.11.2017
NO. SOALAN : 12

TUAN FONG KUI LUN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kedudukan pelaburan dari Malaysia yang berada di luar negara, prestasi mereka dan sumbangan hasil pendapatan kepada negara sepanjang tempoh 5 tahun lalu termasuk yang gagal.

Tuan Yang Dipertua,

Kedudukan pelaburan Malaysia di luar negara serta sumbangan hasil pendapatan kepada negara sepanjang tempoh lima tahun lalu iaitu dari tahun 2012 sehingga 2016 adalah:

Tempoh	Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negara (RM juta)	Aliran Masuk Pendapatan Pelaburan Langsung (RM juta)
2012	52,952	16,165.4
2013	44,450	22,308.2
2014	53,574	24,251.1
2015	41,187	18,398.0
2016	33,052	20,757.5
Jumlah	225,215	101,880.2

Prestasi pelaburan Malaysia di beberapa ekonomi utama seperti Amerika Syarikat, negara-negara utama Kesatuan Eropah dan China pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

- pelaburan Malaysia di Amerika Syarikat (A.S.) telah menjangkau RM67 bilion dalam pelbagai bidang termasuk ekuiti, inovasi dan teknologi, jualan dan pemasaran, perkilangan, hospitaliti serta hiburan. Antara syarikat-syarikat utama Malaysia yang melabur di A.S. adalah:
 - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Malaysia (KWSP);
 - Genting Malaysia Berhad;

- Khazanah Nasional Berhad;
 - Silterra Malaysia Sdn. Bhd.; dan
 - IOI Corporation Berhad.
- pelaburan Malaysia di tujuh negara utama Kesatuan Eropah (United Kingdom, Jerman, Perancis, Belanda, Belgium, Itali dan Sepanyol) berjumlah RM127.9 bilion dalam bidang utiliti, hartanah, minyak dan gas, serta industri berasaskan kelapa sawit dan getah. Antara syarikat-syarikat utama Malaysia yang melabur di negara-negara tersebut adalah:
 - YTL Corporation Berhad;
 - Consortium syarikat-syarikat SP Setia Berhad, Sime Darby Berhad dan KWSP;
 - IOI Corporation Berhad;
 - Petronas Dagangan Berhad; dan
 - Rubberrex Corporation (M) Sdn. Bhd.
 - bagi pelaburan Malaysia di China pula, mengikut Kementerian Perdagangan Republik Rakyat China (MOFCOM) berjumlah USD7.5 bilion (RM33 bilion) dalam bidang penyahgaraman air laut, operasi pelaburan laut, hospitaliti, perkilangan, peruncitan, hartanah, loji rawatan air, pendidikan, kewangan dan insurans. Antara syarikat-syarikat utama Malaysia yang melabur di China adalah :
 - Enersave Group;
 - Genting Group Berhad;

- The Lion Group;
- Sime Darby Berhad;
- Taliworks Corporation Berhad; dan
- Khazanah Nasional Berhad.

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia merupakan negara yang kompetitif dan mampu untuk melabur di negara-negara seperti Amerika Syarikat A.S, negara-negara Kesatuan Eropah dan China. Kelebihan Malaysia ini terbukti apabila syarikat-syarikat Malaysia seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) meluaskan pelaburan global mereka. Usaha syarikat-syarikat Malaysia melabur di luar negara haruslah dipandang sebagai peluang bagi lebih banyak pulangan pelaburan yang akan disalurkan semula ke negara kita. Di samping itu juga inisiatif ini dapat memberi akses pasaran serta pemindahan teknologi dari negara tuan rumah serta menyokong usaha mempromosi jenama syarikat Malaysia di peringkat antarabangsa.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN
AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN : 13

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan yang sudah dibelanjakan untuk projek luar bandar khusus projek lampu jalan kampung di Sabah dan Sarawak dan elektrik dan apakah ia mencapai sasaran yang pada tahun 2017 ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi projek lampu jalan kampung (LJK) tahun 2017 peruntukan sebanyak RM12,884,400 telah diluluskan bagi pemasangan 14,292 unit LJK di negeri Sabah dan RM14,641,400 bagi pemasangan 16,292 unit LJK bagi negeri Sarawak. Sehingga 10 Oktober 2017, sebanyak 6,113 unit telah siap dipasang bagi negeri Sabah manakala bagi negeri Sarawak sebanyak 6,491 unit telah siap dipasang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, peruntukan bagi Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) negeri Sarawak pada tahun 2017 adalah berjumlah RM432.3 juta dan RM195.0 juta bagi negeri Sabah. Sehingga 10 Oktober 2017, RM311.3 juta iaitu bersamaan 72.02% telah dibelanjakan untuk membiayai keseluruhan projek BELB di negeri Sarawak dan RM 92.9 juta iaitu bersamaan 47.63% telah dibelanjakan untuk membiayai keseluruhan projek BELB di negeri Sabah.

Kementerian pada tahun 2017 telah mensasarkan penyambungan bekalan elektrik kepada 4,500 buah rumah di negeri Sarawak dan 3,396 buah rumah di negeri Sabah. Sehingga 30 September 2017, 2,252 buah rumah telah mendapat bekalan di negeri Sarawak dan 784 buah rumah telah mendapat bekalan di negeri Sabah. Kementerian menjangkakan sasaran pencapaian keseluruhan tahun 2017 akan dapat dicapai menjelang akhir tahun 2017.